

**TERMA & SYARAT PAKEJ HAJI  
MASAMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD**

# TERMA & SYARAT PAKEJ HAJI MASAMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD

## 1.0 CARA PEMBAYARAN PAKEJ HAJI

1.1 Semua bayaran pakej mestilah dibuat terus ke Ibupejabat Masamas Travel & Tours Sdn Bhd dan pastikan mendapat resit rasmi syarikat.

1.2 Semua bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf / cek berpaling / money order diatas nama "MASAMAS TRAVEL & TOURS SDN BHD". No.Akaun bank untuk pembayaran seperti berikut:-

**BANK ISLAM 12029010077831**

## 2.0 WANG PENDAHULUAN(DEPOSIT)

2.1 Wang pendahuluan (deposit) sebanyak RM2,000.00 seorang daripada harga Pakej Haji apabila membuat tempahan. Wang pendahuluan ini tidak akan dikembalikan jika peserta membatalkan tempahan kecuali sakit tenat (pengesahan doktor pakar) atau meninggal dunia. Baki pembayaran hendaklah dibayar 100 hari sebelum berangkat ke Tanah Suci.

## 3.0 WANG PEMBATALAN

3.1 Sekiranya terdapat peserta membatalkan tempahan, mereka perlu memberitahu Masamas Travel & Tours Sdn Bhd secepat mungkin secara bertulis (bagi mengelakkan salah faham). Wang pembatalan akan dikenakan seperti berikut:-

### 3.2 Pakej Haji

- 3.2.1 Wang deposit lupus
- 3.2.2 100 hari sebelum berangkat – 30%
- 3.2.3 60 hari sebelum berangkat – 70%
- 3.2.4 30 hari sebelum berangkat – 100%

## 4.0 DOKUMEN PESERTA

4.1 Adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta untuk memastikan bahawa mereka mempunyai passport antarabangsa yang masih boleh digunakan sekurang-kurangnya sah laku 6 bulan dari tarikh berangkat. Segala dokumen untuk membuat visa (gambar & passport) dan buku suntikan juga harus disediakan tertakluk kepada permohonan visa yang diluluskan oleh Kerajaan Arab Saudi.

4.2 Masamas Travel & Tours Sdn Bhd tidak boleh dipersalahkan jika berlaku masalah untuk mendapatkan visa daripada Kedutaan Arab Saudi. **Pihak Masamas Travel & Tours Sdn Bhd berhak menuntut pembayaran untuk mendapatkan visa yang di pohon oleh Jemaah Haji. Semua kos perbelanjaan di tanggung oleh Jemaah Haji.**

4.3 Dokumen yang perlu disertakan bersama permohonan Haji:

- 4.3.1 Borang Pendaftaran Pakej MTT (Jemaah Haji mesti memahami terma & syarat serta menandatangani borang tersebut tanda persetujuan)
- 4.3.2 4 keping gambar visa mengikut syarat-syarat berikut:
  - 4.3.2(a) Berlatar belakang warna putih
  - 4.3.2(b) Saiz gambar berukuran 6 sm x 4 sm
  - 4.3.2(c) Saiz wajah 70%-80%
  - 4.3.2(d) Tidak memakai songkok atau kopiah
  - 4.3.2(e) Berbaju gelap/hitam bagi lelaki
  - 4.3.2(f) Bertudung hitam/gelap bagi wanita
- 4.3.3 Salinan passport antarabangsa (passport asal diserahkan 60 hari sebelum berlepas dan mempunyai tempoh sah laku tidak kurang 6 bulan pada tarikh berlepas serta mempunyai sekurang-kurangnya 4 helai muka surat kosong)
- 4.3.4 Salinan kad pengenalan
- 4.3.5 Salinan surat rayuan (bagi JH kategori rayuan)
- 4.3.6 Bukti pembayaran deposit RM 2,000.00
- 4.3.7 Dokumen - dokumen berkaitan mahram seperti rujukan di bawah:-
  - 4.3.7(a) Salinan sijil nikah untuk pasangan suami isteri (Bawah 45 Tahun perlu diperakui oleh Jabatan Agama Islam dan Wisma Putra)
  - 4.3.7(b) Salinan sijil kelahiran anak yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan Wisma Putra.
  - 4.3.7(c) Bagi wanita bawah 45 tahun yang pergi dengan mahram (bukan suami) perlu menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan mahram dan perlu mendapat pengesahan daripada Jabatan yang berkaitan dengan dokumen-dokumen tersebut. Mahram yang dibenarkan ialah lelaki yang berumur 18 tahun keatas seperti anak lelaki, adik beradik lelaki sebelah bapa atau datuk lelaki sebelah bapa.

## 5.0 TANGGUNGJAWAB

5.1 Tanggungjawab Masamas Travel & Tours Sdn Bhd seperti dalam brosur aturcara perjalanan menyediakan sajian makanan, penginapan dan segala keperluan yang terdapat dalam aturcara rombongan. Syarikat tidak akan bertanggung-jawab terhadap kehilangan, kecederaan, kerosakan atau apa-apa yang berkaitan dengan tempat penginapan, pengangkutan atau lain-lain perkhidmatan yang ber-hubungan secara langsung atau tidak langsung akibat kecuaiannya jemaah, takdir ben-cana alam, kebakaran dan sebagainya.

5.2 Pihak syarikat berhak untuk menukar aturcara perjalanan, tempat penginapan dan lain-lain tanpa memberitahu kepada Jemaah Haji. Sekiranya perlu, pihak syarikat berhak untuk membatalkan acara rombongan sekiranya terpaksa untuk kepentingan dan kesejahteraan Jemaah Haji.

5.3 Apa-apa perubahan harga pakej adalah tertakluk kepada kadar tukaran wang asing dan kenaikan harga tiket pesawat semasa, segala perubahan harga pakej adalah dibawah tanggungjawab jemaah tanpa sebarang notis.

5.4 Sekiranya ada berlaku ketidakpuasan Jemaah Haji berkaitan rombongan haji, ia mestilah dibuat secara bertulis (rasmi) semasa berada di Tanah Suci kepada wakil syarikat atau ketua rombongan untuk tindakan segera.

5.5 Masamas Travel tidak bertanggungjawab terhadap perbelanjaan ubat-ubatan dan hospital Jemaah Haji. juga tidak menanggung penerbangan selain daripada tiket yang telah disediakan, juga tidak menanggung kos jemaah yang balik ke Tanah Air dengan menggunakan *stretcher* sekiranya uzur. Malah pihak syarikat juga tidak akan menanggung kos perbelanjaan untuk apa jua aktiviti selain dari yang telah disediakan oleh pihak syarikat.

5.6 Timbangan berat bagasi adalah tanggungjawab jemaah sendiri. Jemaah hendaklah menguruskan bagasi masing-masing untuk pemeriksaan kastam dan daftar masuk bagasi ke dalam pesawat mengikut had berat yang telah ditentukan oleh pihak penerbangan

5.7 Sekiranya kehilangan bagasi/barang daripada pesawat, jemaah haji hendaklah membuat aduan terus kepada syarikat penerbangan kerana ia di bawah tanggungjawab syarikat penerbangan.

## 6.0 PENGAKUAN PEMOHON

6.1 Bahawa saya mematuhi segala terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat ini dari masa ke semasa.

6.2 Sekiranya saya membatalkan pemergian saya tanpa sebab-sebab yang munasabah, setelah segala urusan pembayaran serta penginapan saya selesai dibuat, saya bersetuju dikenakan bayaran ganti rugi ke atas saya mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Masamas Travel & Tours Sdn Bhd seperti diperkara 3.2.

6.3 Bahawa saya bersetuju membayar muatan barang yang lebih dari had yang ditetapkan oleh pihak penerbangan.

6.4 Bahawa saya bersetuju sekiranya sebarang lawatan perjalanan, makan atau perkhidmatan yang disediakan tidak saya gunakan, maka bayaran tersebut tidak dituntut oleh saya kepada Masamas Travel & Tours Sdn Bhd.

6.5 Saya juga bersetuju untuk membayar segala perbelanjaan tambahan sekiranya terdapat perkhidmatan dan lawatan tambahan diluar dari pakej perjalanan yang disediakan oleh Masamas Travel & Tours Sdn Bhd.

6.6 Bahawa saya bersetuju untuk membayar segala perbelanjaan tambahan sekiranya saya sakit dan terpaksa menggunakan „stretcher“ ketika penerbangan balik ke Tanah Air.

6.7 Bahawa saya bersetuju dan berjanji tidak akan mengambil apa jua jenis dakwaan, tindakan, tuntutan atau pampasan ganti rugi ke atas perkara yang berlaku seperti kelewatan, kehilangan, kebakaran atau apa jua jenis kesusahan, kesulitan, ketidakselesaian termasuk perkara-perkara yang berlaku disebabkan bencana alam, banjir, ribut, gempa bumi, rusuhan, peperangan dan seumpamanya yang dialami dalam masa perjalanan pergi dan balik sama ada melibatkan kecederaan tubuh badan atau harta benda saya.